



**PENGERUSI JAWATANKUASA  
KIRA-KIRA WANG NEGARA (PAC)  
MERANGKAP AHLI PARLIMEN ROMPIN**  
PEJABAT JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA  
PARLIMEN MALAYSIA, JALAN PARLIMEN  
50680 KUALA LUMPUR

*Tel* : 03-2601 7263 / 2698 6852 (DL)  
*Faks* : 03-2698 9218  
*Email* : [pacparlimen@parlimen.gov.my](mailto:pacparlimen@parlimen.gov.my)  
*Laman Web* : <http://www.parlimen.gov.my/pac>

9 Ogos 2017

**Kenyataan Media YB Dato' Sri Hasan Arifin, Pengerusi Jawatankuasa Kira-Kira Wang Negara (PAC) Parlimen Berhubung Pembentangan Laporan PAC Parlimen Pengurusan Program Akuakultur Pihak Berkuasa Pelaksanaan Koridor Utara (NCIA) di bawah Jabatan Perdana Menteri.**

- 1) PAC Parlimen hari ini, membentangkan Laporan PAC berhubung Pengurusan Program Akuakultur Pihak Berkuasa Pelaksanaan Koridor Utara (NCIA) di bawah Jabatan Perdana Menteri (JPM) di Dewan Rakyat.
- 2) Isu ini dibangkitkan dalam pembentangan Laporan Ketua Audit Negara (LKAN) Tahun 2014 Siri 2 yang dibentangkan di Dewan Rakyat pada 15 Jun 2015.
- 3) Berikutan itu, PAC Parlimen memulakan prosiding untuk isu Pengurusan Program Akuakultur NCIA pada 18 November 2015 dengan memanggil Datuk Seri Othman Mahmood, Timbalan Ketua Setiausaha Kanan JPM dan Datuk Redza Rafiq Abdul Razak Ketua Eksekutif NCIA bagi memberikan penjelasan di hadapan Jawatankuasa ini terhadap segala isu yang dibangkitkan dalam LKAN Tahun 2014 Siri 2.
- 4) Dalam prosiding berkenaan, PAC Parlimen membangkitkan isu-isu seperti berikut:
  - i) Indeks Petunjuk Prestasi (KPI) Yang Tidak Selaras Dengan Objektif Program Akuakultur NCIA.
  - ii) Perancangan Program Yang Lemah.
  - iii) Tiada Asas Untuk Menetapkan Pembiayaan Dan Kadar Bayaran Balik Pinjaman.
  - iv) Sangkar Atau Kolam Yang Tidak Digunakan Secara Optimum.
  - v) Lokasi Kilang Pemprosesan Tidak Termasuk Dalam Skop Perjanjian.
  - vi) Operasi Kilang Pemprosesan Milik Syarikat Pelaksana, Ace Front Industries Sdn Bhd (AFISB) di Kamunting, Perak Dihentikan Sementara Waktu.
  - vii) Terma Perjanjian Yang Lemah.
  - viii) Status Hak Milik Bot Lesen Kelas 'B'.
  - ix) Insurans Pusat Transit dan Kuarantin Program Akuakultur Sungai Menghulu (PASM) Fasa 1.

- 5) Berdasarkan kenyataan daripada saksi-saksi yang dipanggil memberikan keterangan di hadapan PAC Parlimen, Jawatankuasa ini sebulat suara merumuskan bahawa:
- i) PAC Parlimen berpandangan berlaku kelemahan di peringkat perancangan, pelaksanaan dan pemantauan program akuakultur ini sehingga tidak mencapai objektif yang digariskan dalam Program Akuakultur NCIA sekali gus mengakibatkan kerugian kepada Kerajaan
- 6) Berdasarkan rumusan berkenaan, PAC Parlimen mengesyorkan kepada Kerajaan perkara-perkara seperti berikut untuk tujuan penambahbaikan akan datang:
- i) PAC Parlimen memandang serius kecuaian NCIA kerana tidak melakukan Feasibility Study yang sewajarnya bagi memastikan projek berdaya maju.
  - ii) NCIA perlu mewujudkan urus tadbir baik (good governance) serta menyediakan Manual Prosedur Operasi Standard (SOP) dalam menilai, memilih syarikat peneraju, di peringkat pelaksanaan dan impak projek.
  - iii) NCIA perlu mendapatkan semula dana yang telah diberikan kepada semua syarikat sekiranya, terbukti di dalam perjanjian awal antara NCIA dan syarikat mengkehendaki bayaran balik dilaksanakan oleh syarikat.
  - iv) NCIA selepas ini, perlu memastikan kepentingan Kerajaan hendaklah dilindungi sebelum mengadakan apa-apa perjanjian dengan pihak syarikat.
  - v) NCIA hendaklah mempunyai satu mekanisme yang standard bagi menentukan jumlah bayaran balik yang perlu dibayar oleh syarikat pelaksana.
- 7) Orang ramai yang berminat untuk membaca dan meneliti Laporan PAC Parlimen berhubung Pengurusan Program Akuakultur oleh NCIA di bawah JPM boleh memuat turun (*download*) laporan berkenaan di laman web PAC di alamat [www.parlimen.gov.my/pac](http://www.parlimen.gov.my/pac)

Yang Berhormat Dato' Sri Hasan Arifin  
Pengerusi Jawatankuasa Kira-Kira Wang Negara  
Parlimen Malaysia